



11 OCT, 2021

IPK bernilai RM104 juta bakal dibina di Terengganu

Harakah, Malaysia



Page 1 of 2

IPK bernilai RM104 juta bakal dibina di Terengganu

KUALA TERENGGANU: Terengganu bakal memiliki sebuah bangunan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu yang bernilai RM104 juta terletak bersebelahan dengan lokasi asalnya di atas tanah seluas 5.05 ekar, di tengah-tengah Bandaraya Pesisir Pantai Negeri Terengganu Darul Iman.

Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hamzah Zainudin berkata, pembinaan Ibu Pejabat Polis ini mencerminkan iltizam Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang jitu khususnya menjadikan Terengganu sebagai negeri yang selamat untuk didiami dan masyarakatnya hidup dalam aman, saling hormat menghormati serta turut mengambil berat tentang isu-isu keselamatan bersama.

"Hari ini, terukir satu sejarah baharu dalam pembangunan infrastruktur PDRM. Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu ini merupakan sebahagian daripada pelan strategi keselamatan PDRM, dalam memberikan kelangsungan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat, khususnya warga negeri Terengganu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu, di Tapak Pembinaan IPK Terengganu, di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, pembinaan IPK Terengganu ini bagi menggantikan bangunan lama sedia ada yang ditubuhkan sejak tahun 1937 dan kini telah berusia 84 tahun.



Dato' Seri Hamzah sedang menandatangani Plak Perasmian Pecah Tanah Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

"Pembinaan IPK Terengganu ini di kawasan seluas 5.05 ekar, pada keseluruhannya akan menelan perbelanjaan sebanyak RM104,000,000.00 (juta) mengikut harga kontrak pembinaan, di mana agensi pelaksana adalah syarikat PBLT Sdn. Bhd. Manakala, kontraktor yang dilantik ialah Kubang Batang PUSPA-SARI Sdn. Bhd.

"Saya difahamkan, statistik jenayah di negeri (Terengganu) ini merupakan yang terendah dalam negara. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pegawai polis Kontinjen Terengganu.

"Saya percaya, pencapaian ini merupakan satu bentuk 'kolaborasi' yang erat antara polis dan masyarakat, selari dengan slogan 'Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada'. Saya juga yakin kejayaan ini mampu melonjakkan keyakinan rakyat kepada institusi keselamatan kita malah, Polis Kontinjen Terengganu ini boleh menjadi contoh terbaik

kepada kontinjen-kontinjen lain dalam mengangkat martabat bidang kepolisian negara kita," ujarnya.

Harakah dimaklumkan, asas pembangunan pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu ini merangkumi bangunan pentadbiran setinggi 9 tingkat, yang akan menempatkan 10 buah jabatan, bilik pejabat, bilik mesyuarat, dewan serbaguna, Auditorium dengan kapasiti 300 orang, kantin, taska dan sebagainya lagi.

Hadir sama, Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), selaku Ahli Parlimen Kuala Terengganu Dato' Ahmad Amzad Hashim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) Dato' Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, Ketua Polis Negara, Dato' Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Ketua Polis Terengganu, DCP Dato' Rohaimi Bin Md Isa.



11 OCT, 2021

IPK bernilai RM104 juta bakal dibina di Terengganu

Harakah, Malaysia



SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Terengganu bakal memilik sebuah bangunan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu yang bernilai RM104 juta terletak bersebelahan dengan lokasi asalnya di atas tanah seluas 5.05 ekar, di tengah-tengah Bandaraya Pesisir Pantai Negeri Terengganu Darul Iman.